



MENEROKA ISU KAHWIN MUDA DALAM KALANGAN REMAJA PEREMPUAN DI KAMPUNG BELADIN, SARAWAK

(Exploring The Issue of Early Marriage among Teenage Girls in Kampung Beladin, Sarawak)

Nur Syaza Massia¹, N. K. Tharshini^{1*}

¹Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Malaysia

* Corresponding Author Email: sstarshini@unimas.my

Received: 2 June 2023 • Accepted: 20 October 2023 • Published: 31 October 2023

Abstract

The issue of early marriage appears to be a trend among young adults. Therefore, this research was conducted to explore the problem more closely, specifically among teenage girls from rural areas. An in-depth interview was used to gather data on the factors and effects faced by teenage girls as a result of early marriage. The result shows that most of the informants involved in this study were between 17 and 21 years old, housewives, completed their studies until the Malaysian Certificate of Education, and married when they were 15. The findings disclosed four main contributing factors to early marriage: personal choice, out-of-wedlock pregnancy, financial deprivation, and parent's insistence. Furthermore, the effects of early marriage include financial problems, negative perceptions from neighbors, and health struggles, especially during pregnancy. The output of this research is expected to have implications for stakeholders, who should re-evaluate marriage bills to protect the fundamental rights of teenage girls and prevent them from being persecuted for marrying young.

Keywords: Early marriage; Girls; Rural area; Teenagers; Sarawak

Abstrak

Isu kahwin muda seolah-olah telah menjadi satu trend dalam kalangan golongan muda. Oleh yang demikian, kajian ini telah dijalankan bagi meneroka secara lebih mendalam mengenai isu kahwin muda khasnya dalam kalangan remaja perempuan di kawasan luar bandar. Kaedah temubual mendalam telah digunakan bagi mengumpul data yang berkaitan dengan faktor dan kesan yang dihadapi oleh remaja perempuan akibat daripada kahwin muda. Keputusan kajian menunjukkan bahawa majoriti daripada informan yang terlibat dalam kajian ini berada dalam

lingkungan umur 17 hingga 21 tahun, suri rumah tangga, sudah menamatkan pelajaran setakat Sijil Pelajaran Malaysia, serta telah berkahwin semasa berusia 15 tahun. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat empat faktor utama yang menyumbang kepada isu kahwin muda iaitu kehendak diri sendiri, kehamilan luar nikah, kemiskinan keluarga, serta desakan ibu bapa. Seterusnya, kesan daripada kahwin muda adalah terpaksa berhadapan dengan masalah kewangan, perlu mengharungi persepsi negatif daripada jiran tetangga, serta bergelut dengan masalah kesihatan terutamanya semasa mengandung. Dapatkan kajian ini diharap dapat memberi implikasi kepada pihak yang berkepentingan agar meneliti semula rang undang-undang perkahwinan demi melindungi hak asasi remaja perempuan agar golongan ini tidak teraniaya akibat daripada kahwin muda.

Kata kunci: *Kahwin muda; Luar bandar; Perempuan; Remaja; Sarawak*

Cite as: Massia, N. S., N. K. Tharshini. (2023). Exploring The Issue of Early Marriage Among Teenage Girls in Kampung Beladin, Sarawak. *Asian People Journal*, 6(2), 73-90.

PENGENALAN

Isu kahwin muda merupakan suatu fenomena global yang berlaku di dalam dan luar negara. Menurut Sumon (2014), kahwin muda merupakan pelanggaran peraturan yang sangat serius terhadap hak asasi seseorang manusia. Secara amnya, kahwin muda didefinisikan sebagai perkahwinan yang berlaku sebelum mencapai umur 18 tahun. Di negara-negara seperti Afrika Utara dan Timur Tengah, kanak-kanak dikahwinkan selepas mereka mencapai akil baligh kerana ianya telah menjadi sebahagian daripada gaya kehidupan tradisional di negara tersebut. Sebaliknya, di Amerika Latin dan Eropah Timur pula perkahwinan muda melibatkan kanak-kanak yang berumur 16 hingga 18 tahun (Sumon, 2014). Isu kahwin muda bukan sahaja perlu diteliti dari aspek faktor usia sahaja bahkan ia juga perlu dikaji dari segi kematangan fizikal, psikologi, dan perkembangan seksual seseorang individu (Tai et al., 2019).

Walaupun perkahwinan bawah umur telah dilarang di Malaysia namun masih terdapat sebilangan besar daripada remaja perempuan yang telah berkahwin sebelum mencapai usia 18 tahun (Hajjhasani & Sim, 2019). Dari aspek trend perkahwinan muda di negeri Sarawak pula, didapati bahawa perkahwinan adat yang melibatkan remaja bawah umur telah meningkat daripada 384 kes pada tahun 2017 kepada 452 kes pada tahun 2019 (Gari, 2019). Menurut Gari (2019), peningkatan tersebut adalah disebabkan ketiadaan had umur minimum dalam perkahwinan adat berbanding dengan perkahwinan sivil dan syariah. Jadual 1 menunjukkan permohonan kebenaran nikah bawah umur dari tahun 2013 hingga tahun 2017 yang telah diterima oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Jadual 1. Permohonan Kebenaran Nikah Bawah Umur Sejak Januari 2013 hingga Disember 2017

Negeri	Permohonan
Sarawak	918
Sabah	793
Johor	440
Melaka	91
Selangor	385
Perlis	107
Terengganu	407

Negeri Sembilan	155
Pulau Pinang	86
Kelantan	793
Pahang	354
Perak	266
Terengganu	407
Kedah	389
<u>Wilayah Persekutuan</u>	<u>178</u>

Sumber: Mohd Pilus (2018)

Jadual 1 jelas menunjukkan bahawa negeri Sarawak, Sabah, dan Kelantan mencatatkan jumlah permohonan yang tertinggi dalam tempoh lima tahun (2013-2017). Secara amnya, sistem perkahwinan di Sarawak dapat dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu; (i) undang-undang perkahwinan sivil, (ii) undang-undang perkahwinan syariah, dan (iii) undang-undang perkahwinan adat yang mempunyai perbezaan yang ketara dengan Semenanjung Malaysia (Mardzuki, 2019). Dalam kontext negeri Sarawak, kerajaan negeri tidak sewenang-wenangnya membenarkan perkahwinan bawah umur terutamanya apabila seseorang remaja perempuan masih berada di bawah usia 16 tahun kerana ianya boleh dianggap sebagai kes rogol bawah umur atau lebih dikenali sebagai *statutory rape*. Tambahan juga, kerajaan negeri Sarawak turut menyokong sepenuhnya cadangan bagi meminda enakmen berkaitan penetapan had umur minimum untuk berkahwin kepada 18 tahun bagi menangani masalah perkahwinan muda dalam kalangan remaja peribumi.

Undang-undang perkahwinan sivil di Sarawak telah menghadkan umur minimum untuk berkahwin kepada 18 tahun, namun dalam situasi tertentu misalannya dalam kes remaja hamil bawah umur, kerajaan negeri memberi kelulusan kepada remaja tersebut untuk berkahwin selepas merujuk kepada residen bahagian masing-masing (Mardzuki, 2019). Bagi undang-undang perkahwinan syariah pula, had umur minimum yang telah ditetapkan bagi golongan lelaki untuk berkahwin adalah pada usia 18 tahun manakala 16 tahun bagi golongan perempuan di bawah Seksyen 7 Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam 2001 (Mardzuki, 2019). Seterusnya, bagi undang-undang perkahwinan adat pula, Majlis Adat Istiadat Sarawak (MAIS) bersetuju untuk menetapkan had usia minimum untuk berkahwin kepada 18 tahun. Namun pelbagai usaha giat masih sedang diambil oleh pihak MAIS bagi mendapatkan persetujuan menyeluruh daripada pelbagai kumpulan etnik yang terdapat di Sarawak (Mardzuki, 2019). Kesan negatif akibat daripada kahwin muda lebih tertumpu kepada remaja perempuan. Sebagai contoh, perkahwinan pada usia muda sering kali dikaitkan dengan kesihatan pembiakan (Fahmidul Haque et al., 2014) dimana Abdul Karim dan Eryando (2019) mendapati bahawa kadar kematian bayi adalah 50% lebih tinggi bagi ibu yang mengandung di bawah usia 20 tahun berbanding dengan ibu yang hamil selepas mencapai usia 20 tahun dan ke atas. Selain itu, komplikasi dalam kehamilan merupakan salah satu penyebab utama yang menyumbang kepada kematian awal bagi golongan remaja perempuan yang berumur di antara 15 hingga 19 tahun (Abdul Karim et al., 2019; Siong & Tharshini, 2020).

Individu yang kahwin muda berisiko tinggi untuk ketinggalan dalam pendidikan kerana mereka terpaksa berhenti sekolah pada usia yang muda disebabkan telah berkahwin (Rahayu & Wahyuni, 2020). Secara amnya, kahwin muda akan menyekat hak seseorang individu untuk menimba ilmu pengetahuan kerana mereka kehilangan peluang untuk melanjutkan pelajaran. Jain et al. (2011) menjelaskan bahawa masih terdapat segelintir daripada pihak pengurusan sekolah yang bersifat konservatif dimana mereka tidak membenarkan remaja perempuan atau lelaki yang sudah berkahwin untuk kembali ke sekolah memandangkan situasi tersebut dijangka akan memberi contoh yang kurang baik kepada pelajar-pelajar yang lain. Tambahan juga, kajian yang dijalankan oleh Dahl, (2010)

dan Rahayu et al. (2020) mendapati bahawa perkahwinan muda seringkali dikaitkan dengan tahap pendidikan yang rendah dalam kalangan remaja perempuan kerana individu yang telah berkahwin sebelum mencapai usia 19 tahun lebih cenderung untuk berhenti sekolah kerana perlu menguruskan hal ehwal rumah tangga.

Talukder et al. (2020) menjelaskan bahawa masalah keganasan rumah tangga adalah tinggi dalam kalangan pasangan yang telah berkahwin muda terutamanya yang melibatkan kes penderaan fizikal, emosi, dan seksual. Ramai daripada remaja perempuan menjadi mangsa keganasan rumah tangga kerana mereka tidak dapat mempertahankan diri sendiri apabila dipukul oleh pasangan yang seterusnya mewujudkan isu ketidakseimbangan kuasa dalam institusi perkahwinan (Jain et al., 2011; Hajihasani et al., 2019). Selain itu, menurut Paul (2018), masalah keganasan rumah tangga juga merupakan salah satu punca utama yang menyebabkan pasangan yang berkahwin muda untuk bercerai awal (Paul, 2018). Isu kewangan juga merupakan antara masalah kritis yang dihadapi oleh kebanyakan daripada pasangan yang kahwin pada usia muda. Dapatkan kajian Ridzuan et al. (2018) menunjukkan bahawa pasangan yang kahwin muda berhadapan dengan masalah kewangan kerana kedua-dua atau salah seorang daripada mereka masih belum mempunyai pengalaman yang secukupnya untuk memohon pekerjaan yang berpendapatan lumayan. Selain itu, kelulusan pendidikan yang rendah turut menjadi penghalang bagi mereka untuk mencari peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakan masing-masing (Saim et al., 2018). Menurut Talukder et al. (2020) isu kemiskinan tegar turut menyumbang kepada masalah kahwin muda dalam kalangan remaja perempuan memandangkan golongan ini seringkali dianggap sebagai “beban” dalam keluarga. Masih terdapat segelintir daripada ibu bapa yang berpendapat bahawa dengan mengahwinkan anak mereka pada usia yang muda, beban kewangan yang ditanggung oleh ketua keluarga dapat dikurangkan terutamanya bagi keluarga yang mempunyai anak yang ramai (Kohno et al., 2020). Selain itu, terdapat juga ibu bapa yang mengambil keputusan untuk mengahwinkan anak perempuan mereka pada usia yang muda kerana tidak mahu anak tersebut terperangkap dalam kancah kemiskinan sepanjang hayat (Jain et al. 2011).

Ramai daripada ibu bapa mendesak anak perempuan untuk kahwin awal disebabkan perasaan risau untuk menjaga dan melindungi anak mereka terutamanya setelah mencapai akhil baligh (Jain et al., 2011). Afroza et al. (2018) menyatakan bahawa masih terdapat segelintir daripada ibu bapa yang bersifat authoritarian yang mengambil keputusan untuk mengahwinkan anak perempuan tanpa berbincang atau mendapat persetujuan daripada anak mereka sendiri. Hal ini kerana, mereka berpendapat bahawa seorang ibu bapa berhak sepenuhnya untuk membuat keputusan bagi pihak anak mereka. Malahan, ada di antara ibu bapa yang berpandangan bahawa golongan wanita merupakan “harta milik” seorang lelaki yang bergelar suami. Maka, mereka mengambil keputusan untuk mengahwinkan anak pada usia yang muda kerana ingin menyerahkan tanggungjawab sebagai penjaga secepat mungkin. Memandangkan fenomena kahwin muda merupakan suatu isu yang amat relevan pada era pascamoden ini, maka kajian ini dijalankan bagi meneroka isu kahwin muda khasnya dalam kalangan remaja perempuan di kawasan luar bandar Sarawak.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- (i) Meneroka faktor yang menyumbang kepada kahwin muda dalam kalangan remaja perempuan di Kampung Beladin, Sarawak.
- (ii) Meneliti kesan yang dihadapi oleh remaja perempuan akibat daripada kahwin muda.

Reka Bentuk Kajian


Reka bentuk kajian merupakan suatu perancangan yang akan menentukan bagaimana sesuatu penyelidikan dijalankan terutamanya bagi mendapatkan jawapan kepada objekif kajian (Kean Hua, 2016). Dalam kajian ini pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah temubual mendalam telah digunakan bagi mengumpul data kajian.

Persampelan Kajian

Suatu populasi adalah terlalu besar atau terlalu ramai untuk dikaji. Oleh itu, sebahagian daripada populasi yang dipilih untuk tujuan kajian dikenali sebagai sampel kajian. Dalam kajian ini, sampel merujuk kepada golongan remaja perempuan di Kampung Beladin, Sarawak yang telah berkahwin sebelum mencapai usia 18 tahun.

Lokasi Kajian

Lokasi kajian yang dipilih adalah sebuah kawasan luar bandar di Sarawak yang dikenali sebagai Kampung Beladin di bawah pentadbiran daerah Pusa di bahagian Betong. Lokasi Kampung Beladin terletak di Muara Sungai Saribas (Batang Saribas) berhadapan dengan Laut China Selatan iaitu 468-kilometer daripada Bandaraya Kuching, Sarawak. Kampung Beladin juga merupakan salah sebuah perkampungan Melayu dengan jumlah penduduk sebanyak 9,228 orang yang meliputi Kampung Hulu, Kampung Tengah, Kampung Hilir, dan Kampung Darat. Rajah 1 menunjukkan lokasi kajian ini.



Sumber: Peta Google

Rajah 1. Lokasi Kampung Beladin, Betong, Sarawak

Proses Pengumpulan Data

Bagi mendapatkan maklumat yang lengkap berkaitan dengan isu kahwin muda dalam kalangan remaja perempuan di Kampung Beladin, kaedah temubual mendalam telah digunakan bagi mengumpul data kajian. Penggunaan kaedah ini bertepatan dengan pandangan Kean Hua (2016) yang menjelaskan bahawa pendekatan temubual mendalam dapat membantu seseorang pengkaji dalam memahami serta mendalami aspek kehidupan, pengalaman, dan situasi semasa yang dialami oleh seseorang individu.

Pada peringkat permulaan, pengkaji mempunyai seramai 28 orang informan yang menepati kriteria kajian

yang telah ditetapkan. Namun begitu, akibat daripada penularan gejala COVID-19 yang semakin meningkat di negeri Sarawak, hanya 14 orang informan bersetuju untuk melibatkan diri dalam kajian ini secara sukarela selepas menandatangani borang persetujuan yang telah dikemukakan oleh pengkaji.

Sebelum temubual dijalankan, pengkaji telah berjumpa dengan informan yang telah bersetuju untuk melibatkan diri dalam kajian ini bagi memberikan penerangan ringkas mengenai temubual yang bakal dijalankan. Pada peringkat ini, informan juga diberikan kebebasan untuk menetapkan tarikh dan masa untuk ditemubual mengikut kelapangan mereka. Seterusnya, temubual dijalankan secara berasingan bagi setiap informan demi memastikan isu kerahsiaan terjamin.

Selain itu, sepanjang proses temubual dijalankan pengkaji turut melakukan pemerhatian terhadap aspek-aspek *non-verbal* seperti reaksi muka, cara pertuturan, gerak badan, kontak mata, serta nada suara bagi memahami tindak balas yang dipamerkan oleh informan bagi setiap soalan yang diutarakan kepada mereka. Untuk tujuan pengumpulan data kajian, alat perakam suara telah digunakan bagi merakam sesi temubual di antara pengkaji dan informan. Kebenaran daripada informan telah diminta terlebih dahulu bagi tujuan merakam data kajian. Data yang diperolehi menerusi rakaman suara seterusnya telah dibaca, ditranskrip, dan dikodkan mengikut kategori tema yang bersesuaian dengan konteks kajian.

Kaedah Analisis Data

Kaedah analisis data merupakan satu proses yang penting dalam menjalankan sesebuah penyelidikan. Dalam kajian ini, data yang telah diperolehi dianalisis mengikut empat peringkat yang berbeza iaitu; (i) peringkat familiarisasi, (ii) peringkat transkripsi, (iii) peringkat organisasi data, serta (iv) peringkat pengekodan dan mengenalpasti tema.

Peringkat Familiarisasi

Pengkaji telah mendengar semula rakaman suara secara berulang-kali serta membaca catatan yang terdapat dalam nota lapangan sebelum proses transkripsi dimulakan secara formal. Semua sesi pertemuan bersama informan telah dilakukan oleh pengkaji sendiri tanpa melibatkan penyertaan daripada pembantu penyelidik bagi meningkatkan lagi pemahaman serta mendapatkan gambaran jelas mengenai isu yang ingin diteroka dalam kajian ini. Secara keseluruhannya, setiap sesi temubual bersama informan mengambil masa selama 45 minit sehingga 1 jam.

Peringkat Transkripsi

Proses transkripsi merupakan suatu peringkat dimana pengkaji memindahkan keseluruhan hasil rakaman percakapan serta catatan nota lapangan dalam bentuk penulisan. Bagi setiap sesi pertemuan yang telah dijalankan, transkripsi verbatim telah dilakukan dalam tempoh 24 jam agar pengkaji dapat mengimbas semula setiap pertemuan bersama informan dengan lebih jelas. Semua maklumat yang dinyatakan oleh informan telah ditranskripsikan dalam bentuk perkataan dengan penuh etika sepertimana yang telah diucapkan oleh informan. Pengkaji turut memasukkan kiu tanpa lisan seperti perkataan “eerr” dan “ahh” dalam transkripsi kerana ia mampu memberikan makna tambahan kepada ayat yang telah diucapkan oleh informan.

Peringkat Organisasi Data

Bagi mengelakkan masalah kekeliruan, pengkaji telah memberikan kod kepada setiap transkripsi yang lengkap serta mencatatkan maklumat berkaitan tarikh dan masa temubual dijalankan. Pada tahap ini, pengkaji juga memastikan bahawa sebarang pengenalan diri berkaitan dengan informan dikodkan dengan menggunakan nama samaran agar identiti mereka dapat dilindungi. Selepas proses organisasi data selesai, pembacaan semula dilakukan

bagi memastikan output transkripsi yang telah disiapkan difahami sepenuhnya oleh pengkaji sebelum peringkat pengenalpasti tema dimulakan.

Peringkat Pengekodan Dan Mengenalpasti Tema

Memandangkan data dianalisis secara manual, maka pengkaji membaca semula hasil transkripsi secara berulang-kali bagi memastikan agar tema dan sub-tema yang tepat, kukuh, dan jelas diperolehi. Seterusnya, proses penganalisaan data diteruskan sehingga mencapai tahap tepu, dimana pada peringkat ini tiada lagi tema baharu yang ditemui.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Profil Demografi Informan

Profil demografi dalam Jadual 2 mewakili maklumat asas yang berkaitan dengan informan kajian.

Jadual 2. Profil demografi

Profil	Deskripsi
<i>Umur</i>	
Informan 1	21
Informan 2	19
Informan 3	21
Informan 4	20
Informan 5	20
Informan 6	17
Informan 7	24
Informan 8	20
Informan 9	19
Informan 10	17
Informan 11	20
Informan 12	20
Informan 13	21
Informan 14	20
<i>Pekerjaan</i>	
Informan 1	Perniagaan atas talian
Informan 2	Suri rumah tangga
Informan 3	Suri rumah tangga
Informan 4	Pekerja kilang
Informan 5	Penyelia asrama
Informan 6	Pelayan restoran
Informan 7	Suri rumah tangga
Informan 8	Suri rumah tangga
Informan 9	Suri rumah tangga
Informan 10	Perekraf grafik (<i>freelance</i>)
Informan 11	Suri rumah tangga
Informan 12	Pembantu pusat asuhan
Informan 13	Pembantu tadbir
Informan 14	Suri rumah tangga

Tahap Pendidikan

Informan 1	Sijil Pelajaran Malaysia
Informan 2	Pentaksiran Tingkatan Tiga
Informan 3	Tingkatan Empat
Informan 4	Sijil Pelajaran Malaysia
Informan 5	Pentaksiran Tingkatan Tiga
Informan 6	Sijil Pelajaran Malaysia
Informan 7	Sijil Pelajaran Malaysia
Informan 8	Pentaksiran Tingkatan Tiga
Informan 9	Sijil Pelajaran Malaysia
Informan 10	Sijil Pelajaran Malaysia
Informan 11	Sijil Pelajaran Malaysia
Informan 12	Tingkatan Empat
Informan 13	Pentaksiran Tingkatan Tiga
Informan 14	Sijil Pelajaran Malaysia

Umur Semasa Berkahwin

Informan 1	16
Informan 2	15
Informan 3	16
Informan 4	17
Informan 5	15
Informan 6	17
Informan 7	15
Informan 8	15
Informan 9	14
Informan 10	16
Informan 11	17
Informan 12	17
Informan 13	16
Informan 14	15

Sumber: Data Kerja Lapangan

Faktor Yang Menyumbang Kepada Kahwin Muda

Bahagian ini melaporkan mengenai pandangan informan mengenai faktor yang mendorong mereka untuk kahwin muda. Secara amnya terdapat empat faktor utama yang menyumbang kepada isu kahwin muda iaitu; (i) kehendak diri sendiri, (ii) kehamilan luar nikah, (iii) kemiskinan keluarga, dan (iv) desakan ibu bapa.

Kehendak Diri Sendiri

Kahwin pada usia yang muda bukanlah sesuatu yang janggal di Malaysia kerana ia seolah-olah telah menjadi trend pada masa kini. Sebagai contoh, Informan 1 menyatakan bahawa beliau berkahwin seawal usia 16 tahun atas kehendak diri sendiri.

“Sebab saya sendiri yang nak kahwin, hahahaha. Macam kalau saya, saya ambil keputusan untuk berkahwin sebab tak nak terjadi apa-apa seperti perkara yang tidak diingini berlaku seperti maksiat. Lebih-lebih lagi kalau berjauhan dari ibu bapa. Haaa itu lah kebaikan dia dapat mengelak daripada maksiat macam tu lah”

(Informan 1).

Dapatan kajian ini adalah selari dengan hasil kajian Adjei (2015) yang menjelaskan bahawa perkahwinan awal merupakan suatu langkah yang baik bagi melindungi serta mengelakkan seseorang pasangan yang sedang bercinta daripada terjebak dengan aktiviti seksual sehingga mengundang kepada kehamilan luar nikah. Pandangan yang sama turut diutarakan oleh Nasrullah et al. (2014) yang berpendapat bahawa perkahwinan muda dapat membantu mengawal penularan masalah sosial seperti maksiat (penzinaan), meningkatkan fitnah, pembuangan bayi, serta kahwin lari yang mampu memburukkan nama baik keluarga. Penceramah bebas iaitu Abdul Kadir Rani menyatakan bahawa perkahwinan muda wajar diteruskan sekiranya kedua-dua pasangan yang ingin berkahwin mempunyai kemampuan serta sanggup memikul tanggungjawab (Berita Harian, 2016). Selain itu, beliau turut menjelaskan bahawa perkahwinan pada usia muda mampu memberi suatu sinar baharu dalam kehidupan seseorang individu serta meningkatkan motivasi dan semangat mereka untuk mengatur kehidupan ke arah yang lebih baik.

Menurut Ibrahim (2014), perkahwinan di usia muda sememangnya baik kerana ia merupakan satu tuntutan agama yang disarankan dalam Islam. Hal ini kerana, perkahwinan muda sebenarnya mematangkan diri seseorang individu serta mewujudkan rasa tanggungjawab terhadap pasangan masing-masing. Idayu (2019) menyatakan bahawa remaja perempuan yang berkahwin pada usia muda mempunyai tahap kesuburan yang sangat tinggi dan mudah untuk melahirkan zuriat. Jarak usia yang tidak jauh di antara ibu dan anak juga dapat meningkatkan lagi keakrabahan mereka terutamanya apabila anak tersebut meningkat dewasa. Selain itu, seseorang individu yang berkahwin muda dapat bermujahadah dan melatih dirinya dengan menjalankan pentadbiran dan pengurusan keluarga, berusaha bersungguh-sungguh untuk memperbaiki kedudukan ekonomi, serta mendorong mereka untuk menghadapi sesuatu cabaran dengan lebih kental (Harakah Daily, 2017).

Kehamilan Luar Nikah

Perkahwinan seringkali dianggap sebagai suatu jalan pintas bagi menangani masalah kehamilan yang tidak dirancang. Informan 2 dan Informan 11 menjelaskan bahawa mereka berkahwin pada usia muda disebabkan telah terlanjur sehingga berlaku kehamilan. Laporan transkripsi temubual adalah seperti petikan berikut:

“Aaa kalau macam saya dulu, emm disebabkan oleh itu lah. Eheheh mengandung” (Informan 2).

“Saya mengandung time itu, dengan boyfriend, yang saya kahwin sekarang” (Informan 11).

Kohno et al. (2020) dan Tharshini et al., (2020) menjelaskan bahawa sebahagian besar daripada remaja perempuan terpaksa kahwin muda disebabkan faktor kehamilan luar nikah. Hal ini kerana, ibu bapa percaya bahawa anak perempuan mereka dapat diselamatkan daripada dosa (tidak perlu menggugurkan janin) sekiranya mereka dikahwinkan secepat mungkin apabila terlanjur (Montazeri et al., 2016). Seterusnya, Sahwa et al. (2023) dan Mohammad (2019) berpendapat bahawa kebanyakannya besar daripada remaja perempuan terlanjur dengan kekasih mereka sebelum mendirikan rumah tangga kerana terlalu mengikuti “darah muda” serta mudah percaya dengan janji manis. Malahan, Baharin (2015) menyatakan bahawa di bawah Mazhab Syafie dan Hanafi, hukum berkahwin dengan perempuan yang sedang mengandung hasil perbuatan zina adalah sah kerana tiada idah sebagaimana isah pada pernikahan yang sah (Baharin, 2015). Selain itu, Syariat Islam telah menggariskan bahawa “harus menikahi perempuan yang hamil daripada zina, dan begitu juga menjimaknya seperti (harusnya menikahi) perempuan yang tidak hamil, kerana tidak ada kehormatan hukum bagi kelakuan zina.”

Menurut Hafiz Aziz (2022), masyarakat perlu mengubah persepsi negatif terhadap remaja perempuan yang mengandung luar nikah, di mana golongan ini perlu dibantu kerana mereka masih mempunyai masa hadapan yang

cerah untuk membina semula kehidupan yang lebih baik. Pengurus Advokasi dan Komunikasi Yayasan *OrphanCare* iaitu Riza Alwi menyatakan bahawa remaja perempuan yang terjebak dengan situasi sebegini perlu dipulihkan serta diberikan peluang kedua untuk menebus kesilapan masa lalu agar mereka dapat menjalani kehidupan baharu dengan sebaik mungkin (Hafiz Aziz, 2022). Secara amnya, pengkaji sendiri berpendapat bahawa anggota masyarakat perlu bersikap lebih prihatin, mempamerkan rasa empati, serta tidak mendiskriminasikan golongan remaja yang hamil luar nikah kerana kesinambungan hidup dan masa hadapan mangsa dan anak mereka perlu diberi keutamaan dalam konteks masyarakat madani.

Kemiskinan Keluarga

Kemiskinan dan kepayahan hidup merupakan salah satu faktor utama yang menyumbang ke arah isu kahwin muda. Pakar ekonomi, iaitu Prof Dr Madeline Berma menyatakan bahawa kes kahwin muda yang seringkali berlaku di kawasan pedalaman yang melibatkan golongan miskin menunjukkan betapa pentingnya ekonomi yang seimbang dalam menjaga dan menguruskan sesebuah keluarga (Noorazam, 2018). Menerusi temubual yang telah dijalankan, Informan 3, Informan 8, dan Informan 12 meluahkan bahawa:

“Ohh saya, haa senang cerita macam ni lah sebab bapa saya kata nanti akan ada orang yang memberi duit macam tanggung perbelanjaan saya. Jadi dengan itu saya tidak lagi akan memberi bebanan kepada kedua-dua ibu bapa saya. Sebab tu lah saya kahwin awal, keluarga susah” (Informan 3).

“Abah meninggal masa kami kecil. Kami tiada siapa tolong. Jadi ummi, pakcik semua minta kahwin cepat” (Informan 8).

“Keluarga susah, masa saya kahwin adik semua masih kecil. Paling kecil pergi tadika haa, adik lain semua mau sekolah. Saya kahwin dulu” (Informan 12).

Dapatan kajian ini adalah selari dengan hasil kajian Tai et al. (2019) yang mendapati bahawa majoriti daripada ketua keluarga yang berpendapatan rendah mengambil keputusan untuk mengahwinkan anak perempuan mereka pada usia yang muda. Menurut Noorazam (2018), keluarga miskin yang tinggal di kawasan luar bandar, dengan bilangan anak yang ramai seringkali melihat anak perempuan sebagai beban sehingga mengahwinkan anak mereka dengan cepat. Selain itu, faktor tahap pendidikan yang rendah dalam kalangan ibu bapa serta kebergantungan terhadap pekerjaan yang bergaji rendah menyebabkan kebanyakan daripada individu yang tinggal di kawasan luar bandar Sarawak terperangkap dalam kancang kemiskinan sehingga tidak mampu menguruskan keperluan keluarga mereka (Noorazam, 2018). Prof Dr Madeline Berma turut menjelaskan bahawa putaran kemiskinan yang berterusan, mobiliti sosial yang rendah, serta golongan remaja yang tidak mempunyai cita-cita yang tinggi menyebabkan ibu bapa di kawasan luar bandar Sarawak mengambil jalan penyelesaian yang mudah iaitu dengan mengahwinkan anak mereka pada usia yang muda (Noorazam, 2018).

Seterusnya, laporan yang dikeluarkan oleh *Global Village Space* (2020) menjelaskan bahawa bagi situasi yang melibatkan mas kahwin, umur pengantin adalah berkadar langsung dengan jumlah mas kahwin yang perlu dibayar oleh ibu bapa. Sebagai contoh, semakin muda umur pengantin, semakin rendah mas kahwin. Maka, keadaan ini menyebabkan sesetengah keluarga yang bergelut dengan masalah kemiskinan mutlak bertindak untuk mengahwinkan anak mereka dengan harapan keluarga baharu dapat memberikan kehidupan yang lebih baik kepada remaja tersebut. Selain itu, satu kajian yang telah dijalankan oleh UNICEF menunjukkan bahawa ibu bapa daripada isi rumah berpendapatan rendah memilih untuk mengahwinkan anak mereka pada usia muda kerana tidak

mampu untuk membiayai persekolahan anak-anak (Nurul Shaeera, 2020). Malangnya, kebanyakan ibu bapa tidak sedar bahawa kebanyakan daripada remaja yang berkahwin pada usia muda berkemungkinan tinggi untuk tidak meneruskan sekolah, seterusnya mengurangkan peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik pada masa akan datang sehingga masih perlu bergantung kepada ibu bapa walaupun selepas berkahwin.

Desakan Ibu Bapa

Secara amnya, setiap ibu bapa pastinya mahukan yang terbaik untuk anak-anak mereka termasuk dalam urusan soal jodoh. Kebanyakan ibu bapa bertanggapan bahawa perkahwinan awal akan memberi kesan yang positif kepada anak mereka (Ridzuan et al., 2018). Menerusi temubual yang telah dijalankan, Informan 4 menyatakan bahawa beliau telah berkahwin awal akibat daripada desakan ibu bapanya.

“Aaaa kadang-kadang kahwin awal faktor pun kadang-kadang ibu bapa yang mendesak kita supaya kahwin awal sebab tidak mahu anak mereka jadi perbualan orang-orang kampung. So, mereka pun suruh saya kahwin. Sebab mereka cakap kahwin awal lagi bagus” (Informan 4).

Sejak digemparkan dengan perkahwinan seorang kanak-kanak berumur 11 tahun dengan lelaki berusia 41 tahun, kerajaan Malaysia telah merancang Pelan Strategik Kebangsaan jangka panjang yang kini sedang dilaksanakan antara tahun 2020 hingga 2025 (Nurul Shaeera, 2020). Menerusi pelan ini, disasarkan bahawa perkahwinan hanya boleh dilaksanakan apabila seseorang individu telah mencapai tahap umur minimum iaitu 18 tahun (Nurul Shaeera, 2020). Oleh yang demikian, disarankan agar ibu bapa perlu mendengar pendapat anak-anak serta tidak memberi tekanan atau mendesak anak untuk kahwin muda. Selain itu, golongan lelaki yang akan berkahwin perlu memastikan bahawa calon pengantin perempuan benar-benar bersetuju untuk menjadi pasangan mereka. Hal ini kerana, adalah tidak wajar sekiranya wujud paksaan dalam perkahwinan terutamanya yang melibatkan remaja perempuan bawah umur. Walaupun ibu bapa berhak untuk mengawinkan anak mereka, namun hak/kuasa tersebut perlu digunakan secara adil demi menjaga kepentingan seseorang remaja perempuan. Tambahan pula, remaja bawah umur masih belum cukup matang untuk mengenali siapakah suami mereka serta mengenalpasti apakah risiko yang bakal dihadapi oleh mereka akibat kahwin muda.

Kesan Akibat Kahwin Muda

Secara lazimnya, sebilangan besar daripada informan bersetuju bahawa mereka telah berhadapan dengan pelbagai cabaran akibat daripada kahwin muda. Antara masalah yang telah dihadapi oleh informan adalah desakan kewangan, persepsi negatif daripada jiran tetangga, dan masalah kesihatan terutamanya semasa mengandung.

Masalah Kewangan

Memasuki gerbang perkahwinan serta memulakan keluarga baru merupakan suatu yang mengujakan. Dalam membina kehidupan berkeluarga, perancangan dan persiapan yang lengkap diperlukan sebelum seseorang individu menggalas tanggungjawab ini terutamanya dari segi kewangan. Informan 1, Informan 2, dan Informan 3 mengatakan bahawa mereka pernah berhadapan dengan masalah kewangan kerana berkahwin pada usia yang muda. Laporan transkripsi temubual adalah seperti petikan berikut:

“Mestilah ada, macam masalah kewangan macam tu lah. Ya, biasalah kita kahwin muda ni macam-macam berlaku. Haa sama-sama masih muda memang suka bergaduh. Itu lah sebab duit lah punca pergaduhan berlaku. Susah jugak saya nak terangkan. Even kalau saya tak ada kerja, tak kan saya nak mengharapkan dia sorang je. Tapi sekarang dah makin stabil sebab saya dah mula berjual bisnes online. Perkahwinan pun

dah lama jugak, macam-macam yang dah berlaku” (Informan 1).

“Kerja, kerja asyik jammed. Kira macam kerja tu asyik jammed. Macam kurang ada kerja. Masa tu memang tak cukup duit” (Informan 2).

“Mula-mula kahwin memang ada macam bergaduh macam tu. Kalau macam masalah kewangan pun ada jugak semasa awal perkahwinan” (Informan 3).

“Ohh ada, macam masalah kewangan sebab suami saya kan cuma kerja sebagai nelayan. So, kalau ada rezeki cari ikan, kadang-kadang banyak lah jugak hasil dan kadang-kadang sikit. Tapi kalau cuaca tak baik, mereka tidak dapat bekerja, tidak dapat pergi ke laut. Terpaksa lah tunggu air surut. Kalau rezeki dapat ikan banyak, banyak lah duit kalau tak kurang lah duit” (Informan 4).

Setiap pasangan yang baru mendirikan rumah tangga semestinya akan mengimpikan keharmonian dan keseimbangan dalam alam rumah tangga. Namun demikian, rata-rata daripada pasangan yang sudah berkahwin pastinya akan berhadapan dengan pelbagai dugaan terutamanya masalah kewangan. Menurut Saim et al. (2018), masalah kewangan akan memberi impak yang lebih mendalam terutamanya bagi pasangan muda yang baru mendirikan rumah tangga. Sekiranya pasangan muda tidak cekap menguruskan kewangan, ia mungkin boleh mewujudkan perselisihan faham serta mencetuskan pergaduhan yang kerap dalam keluarga. Justeru itu, pengurusan kewangan yang bijak serta kestabilan kewangan pasangan seharusnya dititikberatkan sebelum berkahwin.

Pasangan yang berkahwin muda sewajarnya memikirkan mengenai implikasi kewangan yang mungkin berlaku kepada mereka. Ini termasuk situasi seperti pasangan jatuh sakit, pasangan kehilangan pekerjaan, serta keperluan untuk menanggung kos yang besar akibat daripada komitmen kewangan (pembayaran hutang peminjaman kereta, rumah, dan sebagainya). Perkara sebegini perlu dibincangkan bersama dengan pasangan masing-masing bagi mempersiapkan diri sendiri sebelum melangkah masuk ke gerbang perkahwinan. Laporan yang dikeluarkan oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (2022) jelas menunjukkan bahawa kebanyakan daripada pasangan yang kahwin muda sering mengutamakan kemewahan, terlalu mengikut trend terkini (membeli gajet, gaya fesyen, hiasan rumah), serta kerap membandingkan kehidupan mereka dengan orang lain terutamanya berdasarkan apa yang dipaparkan di media sosial sehingga lupa mengenai status kewangan mereka yang sebenar. Pandangan ini turut disokong oleh Shuib (2021) yang menyatakan bahawa perancangan kewangan yang tidak kukuh boleh mewujudkan kegelutan dalam rumah tangga sehingga mendorong kepada perceraian awal dalam kalangan pasangan yang berkahwin muda. Shuib (2021) turut menjelaskan bahawa tempoh kematangan sosial bagi wanita adalah pada usia 23 tahun dan 25 tahun bagi lelaki. Oleh yang demikian, perkahwinan muda yang hanya mengikuti peredaran trend tidak seharusnya digalakkan memandangkan golongan muda masih terkapai-kapai mengenali diri sendiri serta mempelajari selok-belok kehidupan.

Persepsi Negatif Daripada Jiran Tetanga

Berdasarkan kepada pengalaman peribadi, Informan 2, Informan 5, dan Informan 7 menyatakan bahawa perkahwinan pada usia muda akan menyebabkan seseorang individu menjadi tumpuan serta bualan mulut orang ramai.

“Kalau keburukan dari orang? Aaa explain dia macam orang berbual pasal keburukan kita. Macam saya dulu kahwin awal sebab hamil luar nikah” (Informan 2).

“Orang kampung, biasa, suka kata buruk” (Informan 5).

“Saya ada nangis. Jiran saya tempat saya tinggal dulu, fitnah macam-macam pasal saya, keluarga mertua semua” (Informan 7).

Fenomena anak luar nikah telah mengancam struktur sosial khususnya bagi masyarakat Islam di Malaysia. Peningkatan kes anak tidak sah taraf membuktikan bahawa Malaysia sedang mengalami krisis akhlak yang amat serius serta memerlukan langkah penyelesaian yang segera (Mat Rashid & Abd Hamid, 2014). Dapatkan kajian ini menyokong hasil penyelidikan Mourtada et al. (2017) dan Mohd Nor (2021) yang mendapati bahawa kebanyakan daripada remaja perempuan yang hamil luar nikah serta berkahwin pada usia muda semestinya akan menjadi sasaran gosip jiran tetangga. Liza (2021) menjelaskan bahawa stigma masyarakat perlu dihentikan kerana ia mampu mengancam kesejahteraan psikologi seseorang individu.

Secara amnya, kehamilan luar nikah mengakibatkan penolakan sosial daripada ahli keluarga dan masyarakat sejagat sehingga mendorong seseorang remaja untuk mengambil keputusan di luar kewarasan mereka seperti memilih option menggugurkan bayi sehingga merisikokan keselamatan diri sendiri (Mariappan, 2015). Justeru itu, dalam situasi sebegini alternatif seperti perkahwinan muda perlu dipertimbangkan bagi melindungi serta menjaga keselamatan remaja perempuan manakala anggota masyarakat perlu bersifat lebih prihatin apabila berhadapan dengan remaja perempuan yang berkahwin muda agar masa hadapan golongan ini tidak teraniaya.

Masalah Kesihatan Semasa Mengandung

Umum mengetahui bahawa wanita yang sedang mengandung mudah berhadapan dengan pelbagai masalah kesihatan akibat daripada perubahan horman yang berlaku dalam diri mereka. Sebagai contoh, Informan 3, Informan 4, dan Informan 6 menjelaskan bahawa mereka telah mengalami beberapa komplikasi kesihatan terutamanya semasa mengandung.

“Saya dulu kurang darah. Selepas melahirkan anak terus kurang darah. Masa tu, kita sendiri tidak tahu jaga baby, memang risau” (Informan 3).

“Yang first dulu tu saya mengalami keguguran, sekarang ni saya tengah mengandung anak yang kedua. So semasa keguguran dulu, emmm ada lah jugak kesulitan sebab nak menjaga rahim dengan lebih berhati-hati” (Informan 4).

“Saya kena fibroid dulu, sampai muntah-muntah. Makan pun tidak lalu. Cepat penat. Lagi ada baby, memang stress” (Informan 6).

Perkahwinan pada usia muda mampu memberi impak terhadap tahap kesihatan seseorang individu terutamanya dari aspek fizikal, psikologi, dan kesejahteraan sosial. Secara amnya, ketidakmatangan anatomi dan fisiologi remaja perempuan mampu menimbulkan pelbagai komplikasi terutamanya semasa mengandung dan melahirkan anak (Sezgin & Punamaki, 2020). Sebagai contoh, tulang pelvis yang tidak berkembang sepenuhnya boleh menimbulkan masalah semasa bersalin (Rumble et al., 2018). Selain itu, kahwin muda boleh menyumbang kepada proses mengandung yang terlalu cepat atau terlalu rapat sehingga boleh menimbulkan risiko kesihatan kepada seseorang individu (Zaidi Che, 2022).

Remaja perempuan yang hamil muda lebih beriko tinggi untuk terdedah kepada komplikasi seperti *eclampsia*, *preeclampsia*, kelahiran mati, daya tahan yang rendah, kelahiran pramatang, jangkitan rahim selepas bersalin, serta kebocoran air kencing daripada faraj berbanding dengan wanita yang mengandung pada usia 20 hingga 24 tahun (Zaidi Che, 2022). Zaidi Che (2022) menjelaskan bahawa komplikasi kehamilan merupakan salah satu penyumbang utama kepada kematian kanak-kanak perempuan yang berada dalam lingkungan usia 10 sehingga 19 tahun. Justeru itu, bagi pasangan yang berkahwin muda, adalah dicadangkan untuk menggunakan kaedah perancangan keluarga (menggunakan kondom serta mendapatkan nasihat daripada doktor atau kakitangan kesihatan) bagi mengelakkan kehamilan yang tidak diingini atau sehingga kedua-dua pasangan sudah bersedia untuk meminang anak.

KESIMPULAN

Secara kesimpulanya, dapat dirumuskan bahawa remaja perempuan yang kahwin muda bergelut dengan pelbagai masalah dalam menguruskan keluarga mereka. Langkah pencegahan yang sewajarnya perlu diambil terutamanya dengan meningkatkan lagi tahap kesedaran ibu bapa yang berasal daripada kawasan luar bandar berkenaan implikasi buruk akibat daripada kahwin muda. Mentaliti serta tanggapan negatif yang mengkategorikan kanak-kanak perempuan sebagai suatu “beban” dalam keluarga perlu diubah.

Selain itu, tanggapan/pandangan yang menjelaskan bahawa perkahwinan muda dapat membebaskan seseorang remaja daripada kitaran kemiskinan wajar dibincangkan secara terbuka menerusi dialog/forum kemasyarakatan agar peluang dapat diberikan kepada individu yang sedang berhadapan dengan masalah sebegini untuk bersuara. Seterusnya, pihak berkepentingan perlu memperkasakan modal insan menerusi sistem pendidikan dimana pendidikan seks serta akses kepada perkhidmatan kesihatan seksual dan reproduktif diberikan kepada remaja perempuan yang berasal daripada kawasan luar bandar. Secara ringkasnya, persetujuan kolektif daripada ibu bapa, pihak sekolah, golongan remaja, dan pembuat dasar adalah diperlukan bagi memastikan agar hak asasi remaja perempuan tidak teraniaya akibat daripada kahwin muda.

PENGHARGAAN

Ucapan ribuan terima kasih dirakamkan kepada kesemua informan di atas kesudian mereka untuk mengambil bahagian dalam kajian ini.

RUJUKAN

- Abdul Karim, A., & Eryando, T. (2019). Determinants age of marriage in married women 15-24 years old in Indonesia 2017. *International Journal of Science and Research*, 8(7), 580-584.
- Adjei, D. (2015). *The cycle of poverty and early marriage among women in Ghana (A case study of Kassena-Nankana)*. Master Degree Thesis. University of Northern British Columbia.

- Afroza, K., Mohd, S., Abul, H., Zahirul, A.S.K., & Faisal, M. (2018). Factors influencing the adolescent marriage in a selected area of Bangladesh. *Journal of Allied Health Sciences*, 5(1), 41-47. <http://dspace.daffodilvarsity.edu.bd:8080/handle/123456789/3536>
- Baharin, H. (2015, 15 Februari). *Status kahwin ketika hamil*. MyMetro. <https://api.hmetro.com.my/node/30853>
- Berita Harian (2016, 29 September). *Kahwin muda elak maksiat*. <https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/20160929/282505773087302>
- Dahl, G.B. (2010). Early teen marriage and future poverty. *Demography*, 47(3), 689-718.
- Fahmidul Haque, A.K.M., Niajur Rahman, M., Khan, A.Z., Mukti, I.J., & Lutfunnahar, B. (2014). Knowledge, approach and status of early marriage in Bangladesh. *Science Journal of Public Health*, 2(3), 165-168.
- Global Village Space. (2020, 16 Januari). *Child marriages rampant in Nepal*. <https://www.globalvillagespace.com/child-marriages-rampant-in-nepal/>
- Hafiz Aziz, I. (2022, 08 September). *Gadis hamil luar nikah perlu bantuan*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2022/09/997743/gadis-hamil-luar-nikah-perlu-bantuan>
- Hajihasani, M., & Sim, T. (2019). Marital satisfaction among girls with early marriage in Iran: Emotional intelligence and religious orientation. *International Journal of Adolescence and Youth*, 24(3), 297-306. <https://doi.org/10.1080/02673843.2018.1528167>
- Harakah Daily. (2017, 09 April). *Wajarkah kahwin pada usia muda?* <https://harakahdaily.net/index.php/2017/04/19/wajarkah-kahwin-pada-usia-muda/>
- Ibrahim, I. (2014, 25 Februari). *Kebaikan kahwin muda*. Eh! <https://eh.my/artikel/perhubungan/anda-dia/kebaikan-kahwinmuda/#:~:text=Perkahwinan%20di%20usia%20muda%20sememangnya,sekaligus%20mengurangkan%20kes%20pembuangan%20bayi>
- Idayu, M. (2019, 17 Disember). *9 kelebihan wanita kahwin muda sangat bagus*. DIVA. <https://diva.my/2019/198104/9-kelebihan-wanita-kahwin-muda-sangat-bagus/>
- Jain, G., Bisen, V., Singh, S. K., & Jain, P. (2011). Early marriage of girls as a barrier to their education. *International Journal of Advanced Engineering Technology*, 2(3), 193-198.
- Gari, P. (2019, 23 Mei). *Isu kehamilan remaja tidak bersekolah diberi perhatian*. Utusan Borneo Online. <https://www.utusanborneo.com.my/2019/05/23/isu-kehamilan-remaja-tidak-bersekolah-diberi-perhatian>
- Kean Hua, A. (2016). Pengenalan rangkakerja metodologi dalam kajian penyelidikan: Satu kajian literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 1(2), 17-24. doi: [10.47405/mjssh.v1i2.8](https://doi.org/10.47405/mjssh.v1i2.8).

- Kohno, A., Techasrivichien, T., Suguimoto, S.P., Dahlui, M., Nik Farid, N.D., & Nakayama, T. (2020). Investigation of the key factors that influence the girls to enter into child marriage: A meta – synthesis of qualitative evidence. *Plos One*, 15(7), 1-20. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0235959>
- Liza, H. (2021, 29 Januari). *Isu anak luar nikah, stigma masyarakat terlalu tinggi*: Fatimah. <https://www.utusanborneo.com.my/2021/01/29/isu-anak-luar-nikah-stigma-masyarakat-terlalu-tinggi-fatimah>
- Mahd nor, N.I. (2021). Fenomena anak tak sah taraf dalam kalangan orang Islam di Malaysia. International Conference on Syariah & Law (ICONSYAL, 2021).
- Mardzuki, M. (2019, 04 Disember). *Perkahwinan bawah umur 16 tahun tetap dilarang*. Utusan Borneo Online. <https://www.utusanborneo.com.my/2019/12/04/perkahwinan-bawah-umur-16-tahun-tetap-dilarang>
- Mariappan, T. (2015, 12 Mei). Selepas lima tahun, Sekolah Harapan tercapai matlamatnya – Pengarah JAIM. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/selepas-lima-tahun-sekolah-harapan-tercapai-matlamatnya-pengarah-jaim-59697>
- Mat Rashid, A., & Abd Hamid, N.A. (2014). Undang-undang jenayah syariah: Suatu sorotan berhubung kesalahan akhlak. International Conference on Postgraduate Reasearch (ICPR 2014).
- Mohammad, H. (2019, 07 Februari). “*Saya hamil anak luar nikah*”. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2019/02/528205/saya-hamil-anak-luar-nikah>
- Mohd Pilus, F.A. (2018, 19 Julai). *5,362 permohonan nikah bawah umur dalam 5 tahun*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/07/451272/5362-permohonan-nikah-bawah-umur-dalam-5-tahun>
- Montazeri, S., Gharacheh, M., Mohammad, N., Alaghband Rad, J., & Ardabili, H.E. (2016). determinants of early marriage from married girls’ perspectives in Iranian setting: A qualitative study. *Journal of Environmental and Public Health*, 10(11), 1-8. <https://doi.org/10.1155/2016/8615929>
- Mourtada, R., Schlecht, J., & DeJong, J. (2017). A qualitative study exploring child marriage practices among Syrian conflict-affected populations in Lebanon. *Conflict and Health*, 11(27), 53-65. <https://doi.org/10.1186/s13031-017-0131-z>
- Nasrullah, M., Zakar, R., Zakar, M. Z., Abbas, S., Safdar, R., Shaukat, M., & Kramer, A. (2014). knowledge and attitude towards child marriage practice among women married as children – a qualitative study in urban slums of Lahore, Pakistan. *BMC Public Health*, 14(2), 1-7. <https://doi.org/10.1186/1471-2458-14-1148>
- Noorazam, N. (2018, 13 Julai). *Kahwin kanak-kanak: Pendidikan, pembangunan sosial kunci penyelesaian*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kahwin-kanakkanak-pendidikan-pembangunan-sosial-kunci-penyelesaian-180196>

- Nurul Shaeera. (2020, 16 November). *Kemiskinan adalah salah satu faktor utama perkahwinan kanak-kanak*. Wiki Impact. <https://www.wikiimpact.com/poverty-is-one-of-the-main-drivers-of-child-marriage/>
- Paul, P. (2018). The impact of early marriage on pregnancy outcomes of ever-married women: Findings from India Human Development Survey, 2011-2012. *Journal of Women's Health Care*, 7(6), 1-5. DOI: [10.4172/2167-0420.1000450](https://doi.org/10.4172/2167-0420.1000450)
- Perbadanan Insurans Deposit Malaysia. (2022, 21 Julai). *Kesilapan kewangan pasangan muda yang baharu berkeluarga*. <https://www.pidm.gov.my/my/laman-informasi/rencana/spk/2022-ms/kesilapan-kewangan-pasangan-muda-yang-baharu-berkeluarga>
- Rahayu, W.D., & Wahyuni, H. (2020). The influence of early marriage on monetary poverty in Indonesia. *Journal of Indonesian Economy and Business*, 35(1), 30-43. <https://doi.org/10.22146/jieb.42405>
- Ridzuan, A.R., Alam, S.N.S., Ridzuan, A.R., Nazri, N.M., Abdullah, M.H.T. & Ismail, I. (2018). Factors of disapproving of early marriage in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(10), 915-926. DOI: [10.6007/IJARBSS/v8-i10/4789](https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v8-i10/4789)
- Rumble, L., Peterman, A., Irdiana, N., Triyana, M. & Minnick, E. (2018). An empirical exploration of female child marriage determinants in Indonesia. *BMC Public Health*, 18(407), 1-13. <https://doi.org/10.1186/s12889-018-5313-0>
- Saim, N.J., Lejem, S.A., Abdullah, F., & Akhir, N. M. (2018). Perkahwinan remaja: Satu kajian di Kuching, Sarawak. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(3), 47-61.
- Sahwa, F.A., & Sivabalan, T. (2023). Meneroka isu perkahwinan bawah umur dari perspektif undang-undang perkahwinan adat di Sarawak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(4), e002279. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i4.2279>
- Siong, R., Tharshini, N.K. (2020). Isu kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja di Malaysia: Satu tinjauan sorotan literatur. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 34(4), 91-96.
- Sezgin, A.U., & Punamaki, R. L. (2020). Impacts of early marriage and adolescent pregnancy on mental and somatic health: The role of partner violence. *Archives of Women's Mental Health*, 23(1), 155-166. DOI: [10.1007/s00737-019-00960-w](https://doi.org/10.1007/s00737-019-00960-w)
- Suib, N.H. (2021, 22 Januari). *Kahwin awal tu bagus tapi tak semua anak muda itu matang. Kalau lepas kahwin menyusahkan orang, apa kes?* GEMPAK. <https://gempak.com/intrend/kahwin-awal-tu-bagus-tapi-tak-semua-anak-muda-itu-matang-kalau-lepas-kahwin-menyusahkan-orang-apa-kes-46179>
- Sumon, N.K. (2014). Differentials and determinants of early marriage and child bearing: A study of the northern region of Bangladesh. *International Journal of Scientific Footprints*, 2(1), 52-65. <http://scientificfootprints.com/wp-content/uploads/2014/03/Differentials-and-Determinants-of-Early-Marriage-and-Child-Bearing-A-study-of-the-Northern-Region-of-Bangladesh.pdf>

- Tai, T.O., Yi, C.C., & Liu, C. H. (2019). Early marriage in Taiwan: Evidence from panel data. *Journal of Family Issues*, 40(4), 1989-2014.
- Talukder, A., Hasan, M.M., Razu, S.R., & Hossain, Z. (2020). Early marriage in Bangladesh: A cross-sectional study exploring the associated factors. *Journal of International Women's Studies*, 21(1), 68-78. <https://vc.bridgew.edu/jiws/vol21/iss1/6>
- Tharshini, N.K., Ibrahim, F. Faktor-faktor berisiko yang menyumbang kepada tingkahlaku devian: Satu kajian ulasan sistematik. *Jurnal Perspektif*, 12(1), 23-38.
- Zaidi Che. (2022, 29 Mei). Perkahwinan bawah umur, apakah kesan kesihatannya? GETARAN. <https://www.getaran.my/artikel/tara/24423/perkahwinan-bawah-umur-apakah-kesan-kesihatannya>